

# Sikap positif teras kejayaan

**Sukan** bukan hanya berkaitan dengan kemenangan semata-mata, sebaliknya lebih penting ia membina elemen positif dalam diri insan.

Sarina berkata, dalam semua jenis sukan, elemen positif menerusi sukan adalah paling penting.

"Ia bukan mengenai mengejar pingat emas atau juara setiap masa. Sukan ialah mengenai pembinaan disiplin, selain semangat setia kawan dan persaingan," kata Sarina.

Justeru, katanya, ibu bapa harus memberikan sepenuhnya galakan kepada anak untuk terbabit dengan sukan dan memberikan dorongan.

Pada masa sama mempercayai anak dan jurulatih yang mungkin diambil bagi menyerlahkan potensi si kecil.

"Bersukan tidak menjanjikan kita juara setiap masa, tetapi elemen positif ditampilkan dalam sukan pasti melahirkan insan yang berdedikasi," katanya yang menyimpan hasrat untuk mengembangkan lagi SRGC, selain melengkapinya dengan profil diri sebagai hakim pertandingan.



## Dapat sokongan ibu bapa

Anak sulung daripada empat orang adik-beradik ini berasal dari ibu kota. Lulusan Ijazah Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini mula harum di persada sukan gimrama negara selepas merangkul pingat emas acara berpasukan ketika Sukan Komanwel XVI di Kuala Lumpur, 1998, bersama rakan sepasukan iaitu Thye Chee Kiat, Carolyn Au Yong dan El Regina Tajuddin.

Pada 2002, beliau mendapat tempat ke-10 dalam gimnastik pada Sukan Asia 2002 di Busan, Korea Selatan di bawah kategori gimnastik berirama individu sebelum bersara. Menjadi jurulatih hanyalah sekadar suka-suka, namun, ia akhirnya membuka rezeki kepadanya dengan tertubuhnya SRGC.

Selepas berjaya menempatkan diri dalam kelompok empat gimnas terbaik di pra-Komanwel dan sedang giat menjalani latihan ke temasya itu, Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) tiba-tiba mengubah senarai dan ingin menggantikan Sarina dengan gimnas lain.

Bagaimanapun, atas semua sokongan yang diterimanya daripada ibu bapa gimnas lain selain campur tangan Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia, Sarina akhirnya memperoleh haknya ke Komanwel berdasarkan faktor kelayakan.